

# BERITA HARIAN

MENAWAN

## ANTITUA



FOTO: TUKIMAN WARJI

**HASIL RAWATAN HOLISTIK:** Dr Low Chai Ling menunjukkan, menerusi skrin komputer, wajah seorang wanita sebelum menjalani rawatan holistik (kiri) dan sesudah menjalani rawatan antipenuaan.

**P**ENJAGAAN awal untuk memastikan wajah terus kekal segar dengan kulit yang tetap tegang, amat perlu.

Demikian menurut Dr Low Chai Ling ketika ditemui dalam Bengkel Kecantikan anjuran Urban-The Sloane Clinic yang berlangsung di Hotel Grand Hyatt baru-baru ini.

Menurut beliau, rawatan di peringkat usia muda sangat perlu kerana ia mempengaruhi keadaan kulit apabila usia semakin meningkat.

Tambahan pula, cara rawatan kulit yang diberikan untuk orang muda berbeza daripada mereka yang berusia 30 tahun ke atas.

"Untuk golongan muda, rawatan yang diberikan menggunakan vitamin C. Bagi mereka yang berusia 30 tahun ke atas, cara rawatannya berbeza.

"Ini lebih-lebih lagi di kalangan wanita yang merokok, minum minuman keras dan selalu rasa tertekan dengan pelbagai masalah hingga kelihatan lebih cepat tua daripada usia mereka," kata Dr Low lagi.

Beliau selanjutnya menekankan bahawa apabila rawatan kulit dibuat sejak usia muda dan kerap dilakukan mengikut keperluan, maka kulit seseorang itu akan tetap mempunyai kolagen yang mencukupi untuk menyegarkan dan melembapkan kulit.

Kolagen umpama sepan yang mampu menganjal kulit dan mudah meresap bahan pelembap kulit yang dimakan



BERSAMA  
**ZAWIYAH SALLEH**

Kandungan kolagen dalam kulit seseorang itu akan berkurangan terutama di kalangan mereka yang telah putus haid.

Jadi, bagaimana mereka yang telah berusia mahu memastikan kulit tidak kendur dan lesu?

Gunakan cara holistik, satu cara rawatan menyeluruh, kata Dr Low.

Cara holistik ini menggunakan beberapa kaedah yang boleh mengesan pelbagai masalah kulit.

Cara ini lebih selamat kerana seseorang itu tidak perlu menjalani pembedahan, sebaliknya menjalani rawatan menggunakan pelbagai peralatan mesin yang canggih.

Antaranya ialah rawatan menggunakan mesin *thimage* yang membantu membersihkan, melicinkan dan menegangkan kulit.

Rawatan cara holistik ini dilakukan secara bertahap-tahap.

Perubahannya yang akan nampakkan wajah lebih segar, kulit lebih halus, cerah dan bersih akan dapat dilihat dalam masa tiga bulan selepas menjalani rawatan.